GARIS PANDUAN BAGI SKIM SEMINAR STAF AKADEMIK UUM

1.0 SKIM-SKIM YANG DITAWARKAN

1.1 SKIM A

1. **Tahap Seminar**
   - Seminar hendaklah bertaraf antarabangsa (luar Negara) dan berimpak tinggi.
   - Pegawai yang membentangkan kertas kerja menerima jemputan sebagai pembentang Institusi Panel.
   - Penyertaan pegawai adalah sebagai *keynote address.* **
   - Penyertaan seminar adalah dari ahli sarjana dunia.

2. **Pembiayaan**
   - Universiti akan membiayai 100% kos bagi tujuan seminar tersebut sepertimana tugas rasmi Universiti.
   - Dari peruntukan Vot Perjalanan Luar Negara yang dipusatkan di Canselori.

3. **Kelulusan**
   - Kelulusan hendaklah diperolehi dari Jawatankuasa Pengurusan Universiti.
   - Permohonan hendaklah dikemukakan tiga (3) bulan sebelum tarikh seminar.

4. **Output**
   - Kertas seminar diterbitkan di dalam penerbitan/jurnal berwasit dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh seminar.
   - Penerbitan ini merupakan syarat untuk permohonan pada tahun berikutnya.
   - Penerbitan juga hendaklah dimajukan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy.*

1.2 SKIM B

1. **Tahap Seminar**
   - Seminar hendaklah bertaraf kebangsaan atau antarabangsa.
   - Penyertaan pegawai adalah sebagai pembentang kertas kerja.

2. **Pembiayaan**
   - Peruntukan diluluskan adalah RM8,000 setiap orang setahun di mana 75% dibayar sebagai pendahuluan** dan 25% dibayar selepas penerbitan diterima. Tempoh penerbitan ialah enam (6) bulan selepas tarikh seminar.